

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 27 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L19386

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah yang diambil Kementerian dalam mengurus isu harga lantai getah yang membebankan pekebun getah.

2. PR-1521-L19337

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah subsidi bersasar akan dilaksanakan seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 November 2022. Apakah Kerajaan boleh menjamin bahawa harga barang tidak akan meningkat apabila subsidi bersasar dilaksanakan.

3. PR-1521-L18229

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah nilai makanan import bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan apakah langkah atau usaha telah atau akan diambil bagi memastikan kualiti dan jaminan keselamatan makanan negara.

4. PR-1521-L18338

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan menilai semula tahap penguasaan akademik murid sekolah rendah khususnya di kawasan luar bandar selepas pandemik COVID-19.

5. PR-1521-L18723

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan intervensi Kerajaan antara Kementerian dalam memberi sokongan buat peniaga khususnya industri kecil sederhana terhadap isu lambakan juadah negara asing berbanding makanan asli tradisional Malaysia di lokasi-lokasi tumpuan pelancongan negara khususnya Kuala Lumpur bagi mengekang terhakisnya identiti negara.

6. PR-1521-L19089

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah duit Kerajaan Negeri Terengganu yang digunakan untuk pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT 2); dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan telah membuat pembayaran balik kepada Kerajaan negeri dan jika ya, nyatakan berapa yang telah dibayar dan berapa baki yang belum dilunaskan.

7. PR-1521-L(5)00171

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan Madani akan memastikan pembelaan kepada semua kaum dan agama apabila berlaku pendakwaan terpilih terhadap penghinaan sesuatu kaum dan agama. Adakah Kerajaan Madani akan berlaku adil dalam memastikan segala penghinaan terhadap semua kaum dan agama dihentikan.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

8. PR-1521-L19288

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) status pengambilan guru baharu tahun 2022; dan
- (b) perincian pengambilan guru mengikut opsyen mata pelajaran bagi tahun 2016 hingga tahun 2022 dan unjuran pengambilan guru bagi tahun 2023 hingga 2027.

9. PR-1521-L18105

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah segera Kementerian untuk menangani masalah penderaan dan sosial membabitkan kanak-kanak yang mendapat liputan meluas akhir-akhir ini.

10. PR-1521-L18897

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembangunan jalan empat lorong daripada Pokok Sena sehingga ke Bandar Durian Burung sebagai langkah pembangunan infrastruktur di sempadan Malaysia - Thailand.

11. PR-1521-L18214

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pembaharuan yang bakal dilakukan bagi menangani isu sekolah daif di seluruh negara. Apakah skor terkini kedaifan sekolah dan sejauh manakah keprihatinan Kementerian dalam memastikan sekolah-sekolah daif ini mendapat perhatian khusus bagi memastikan proses penambahbaikan dan naik taraf dipantau dan dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.

12. PR-1521-L19151

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jaminan Kerajaan di dalam meningkatkan prestasi Malaysia dalam Global Food Security Index (GFSI) kerana dilaporkan bagi tahun 2020 Malaysia berada di tangga 41 daripada 113 buah negara dengan mencatatkan prestasi sederhana dengan skor sebanyak 69.9% sahaja.

13. PR-1521-L18489

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan projek Pan Borneo terutamanya jalan pesisiran pantai menghubungkan Kota Kinabalu-Kudat bagi merancakkan ekonomi daerah Kudat.

14. PR-1521-L18703

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dalam industri perladangan sawit.

15. PR-1521-L18049

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan untuk menambah hasil pendapatan negara untuk keluar dari bebanan hutang negara yang tinggi.

16. PR-1521-L18974

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan Program Rancangan Khas (RMT) dan mekanisme pemantauan makanan RMT untuk memastikan murid sekolah mendapat makanan yang berkhasiat.

17. PR-1521-L19426

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) langkah untuk melancarkan perjalanan pengguna lebuh raya dari tersekat-sekat, beratur panjang dan masa yang lama di plaza-plaza tol; dan
- (b) rancangan Kementerian untuk menyusun semula sistem bayaran tol yang kini wujud tiga sistem (*Touch n Go, SmartTag dan RFID*) di plaza-plaza tol .

18. PR-1521-L18833

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilangan penglibatan belia dalam industri pertanian, perladangan dan penternakan dan insentif yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan Kementerian bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dan sektor agropreneur.

19. PR-1521-L18209

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah kekurangan bilik darjah di sekolah dan bilangan pelajar yang melebihi sehingga 45 orang satu bilik darjah.

20. PR-1521-L19150

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk melaksanakan kaedah penjadualan semula bayaran, subsidi bersasar dan pemberian moratorium seperti saranan pakar-pakar ekonomi dalam usaha meringankan beban rakyat berikutan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang dijangka naik lagi.

21. PR-1521-L19412

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha konkrit Kementerian bagi memastikan budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rantai bekalan makanan negara dihapuskan agar dapat mengawal peningkatan kos sara hidup dalam kalangan masyarakat di samping dapat memastikan pendapatan para petani lebih terjamin.

22. PR-1521-L18739

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca kelewatan bekalan benih padi kepada petani-petani dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

23. PR-1521-L18202

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan induk memastikan kecukupan keperluan sekolah di bandar-bandar baharu. Adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti kekurangan sekolah menengah di daerah Petaling dan rancangan mengatasinya.

24. PR-1521-L18153

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah MAFS bagi menjamin bekalan sayuran mencukupi dan harga terkawal serta tidak membebankan rakyat.

25. PR-1521-L18178

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai perdagangan antara China dan Malaysia dijalankan dalam mata wang RMB dan Ringgit tanpa memakai USD.

26. PR-1521-L18657

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik jumlah kuarters guru yang ada di seluruh negara mengikut negeri, berapa jumlah kuarters yang masih digunakan dan berapa yang tidak digunakan dan terbiar.

27. PR-1521-L18139

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang bakal diambil Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara yang sudah mencecah RM 1.5 trillion.

28. PR-1521-L19279

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Jalan Raya Persekutuan FT076 dari Kuala Kangsar, Perak ke Baling, Kedah lebih-lebih lagi jalan yang melalui Daerah Hulu Perak (Lenggong – Gerik – Pengkalan Hulu). Ini kerana jalan raya ini merupakan jalan utama yang menghubungkan daerah Hulu Perak dan jalan utama bagi pelancong ke sempadan Malaysia – Thailand.

29. PR-1521-L19043

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian pendeposit-pendeposit bank yang dimangsakan oleh *scam* bank di mana wang mereka telah dipindah tanpa pengetahuan mereka dalam tahun 2020, 2021 dan 2022. Apakah rasional bank-bank berkenaan tidak membayar ganti rugi kepada pendeposit-pendeposit tersebut.

30. PR-1521-L19122

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan sedia menimbalangkan gesaan dan keperluan meningkatkan peruntukan sektor keselamatan dan pertahanan negara kepada 1.5% daripada KDNK, memandangkan ketika ini aset agensi keselamatan dan pertahanan mengalami masalah keusangan kronik dalam mendepani isu pencerobohan sempadan negara.

31. PR-1521-L19450

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk mengembalikan silibus Pendidikan Sivik dalam kelas bagi meningkatkan rasa kekitaan dan rasa saling menghormati sesama rakan dan lebih penting menanam sifat pembinaan sahsiah di kalangan pelajar. Adakah usaha ini telah dirancang ke arah itu.

32. PR-1521-L18171

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan platform Didik TV yang telah dilancarkan oleh Kerajaan semasa tempoh pandemik dan usaha Kementerian untuk menambah baik kandungan di bawahnya.

33. PR-1521-L18099

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan pelebaran Jalan Pekan Nanas ke Pontian dari 2 lorong dua hala kepada 4 lorong dua hala yang telah dibentangkankan oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Pontian ke Jabatan Kerja Raya Negeri Johor bagi mengatasi kesesakan laluan berkenaan.

34. PR-1521-L19012

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) jumlah tanah milikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM); dan
- (b) perincian lokasi dan jenis pembangunan di tanah tersebut bagi tujuan pembangunan sektor nelayan Pulau Pinang dan secara am di Malaysia.

35. PR-1521-L18343

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan Lebuh Raya Libaran Bypass yang bermula dari Batu 16 ke Batu 32, Sandakan, yang mana sudah terbengkalai untuk beberapa tahun selepas hanya satu per empat daripada projek itu telah disiapkan pada tahun 2018.

36. PR-1521-L18244

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Tahfiz Ulul Albab di kawasan Sarikei, Parlimen Tanjong Manis. Sekolah seumpama ini hanya satu sahaja untuk seluruh negeri Sarawak dan adalah tidak mencukupi untuk jumlah pelajar yang semakin meningkat.

37. PR-1521-L18294

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa lama lagi dijangka jalan Kampong Rahmat yang menghubungkan Jalan Kluang, Batu Pahat dengan Jalan Senggarang, Batu Pahat boleh disiapkan.

38. PR-1521-L19229

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah baharu Kerajaan dalam membantu rakyat dan peniaga yang terbeban dengan kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang akan memberi kesan terhadap kos pembiayaan dan pendapatan boleh guna sebenar kepada rakyat.

39. PR-1521-L18192

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) status dan maklumat terkini pelaksanaan sistem subsidi bersasar, termasuklah garis masa ; dan
- (b) apakah kesan positif dan negatif yang dijangka apabila sistem subsidi yang sedia ada digantikan dengan sistem subsidi bersasar.

40. PR-1521-L17957

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Jalan Serudung (Sabah) - Simanggaris (Indonesia) dan Pusat Kompleks CIQ (Customs, Immigration and Quarantine) yang telah diluluskan oleh dua Kerajaan yang lalu tetapi masih belum dimulakan setakat ini memandangkan pembinaannya akan menyambung kepada rangkaian lalu lintas yang strategik dan penting ke ibu negara baru Indonesia di Nusantara, Kalimantan dan akan menyumbang peningkatan ekonomi Malaysia amnya dan Sabah khasnya.

41. PR-1521-L18535

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah langkah Kerajaan selain pemberian subsidi dan kawalan harga bagi membantu rakyat yang terkesan akibat kenaikan kos sara hidup; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan insentif percukaian kepada GLC, GLIC atau syarikat swasta yang menyediakan kuota pengambilan pekerja kepada golongan miskin tegar di syarikat masing-masing.

42. PR-1521-L18438

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jalan keluar berhubung isu bekalan ayam dan telur agar masalah kekurangan bekalan tidak terus berpanjangan serta dapat dipasarkan dengan harga yang munasabah.

43. PR-1521-L19420

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan untuk menambah baik serta baik pulih infrastruktur, fasiliti dan logistik termasuklah bangunan pejabat yang diduduki oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di Bentong dan di kawasan luar bandar yang sudah uzur dan tidak sesuai dijadikan pejabat.

44. PR-1521-L(5)00161

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendirian, pertimbangan serta tanggungan kos Kerajaan atas pelaksanaan projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dari Yong Peng Utara ke Senai Utara (Fasa1) dan penggunaan kaedah *Multi Lane Free Flow* bagi menggantikan sistem pembayaran tol sedia ada.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

45. PR-1521-L17976

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan memperincikan tindakan yang telah diambil bagi mengatasi *African Swine Fever* (ASF) sejak tahun 2018 hingga kini. Apakah perancangan jangka masa panjang bagi mengatasi, mengelak dan menyelesaikan bencana ini pada tempoh masa jangka panjang. Nyatakan juga jenis-jenis bantuan yang diperoleh oleh penternak terkesan.

46. PR-1521-L18077

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah awalan yang diambil GLC bagi menyokong hasrat meningkatkan keterjaminan makanan negara.

47. PR-1521-L19325

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi kesesakan kenderaan di jalan raya di seluruh Malaysia terutama di waktu puncak dan musim perayaan.

48. PR-1521-L19352

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi Kementerian dalam usaha menangani isu kejatuhan harga getah yang telah menyebabkan pendapatan penoreh getah sangat terjejas dan memberi kesan dalam kehidupan seharian.

49. PR-1521-L19313

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) jumlah peminjam yang telah memohon dan diluluskan moratorium pinjaman bank sejak pandemik COVID-19; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang meneruskan moratorium tanpa faedah atau caj tambahan.

50. PR-1521-L19070

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) apakah sebab hasil padi di daerah Kerian, Perak yang menurun semenjak tiga hingga empat musim kebelakangan ini sehingga jatuh ke paras 3.8 tan berbanding hasil purata tinggi pernah dicapai sehingga 4.6 tan; dan

- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi membantu golongan petani terjejas.
51. PR-1521-L18864
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menstabilkan dan memastikan harga getah tidak jatuh menjunam sehingga membebankan penoreh getah.
52. PR-1521-L19191
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian pemberian subsidi sebenar yang sedang ditanggung oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji pemberian subsidi yang lebih bersasar sesuai dengan kajian implikasi subsidi yang diumumkan Kerajaan sebelum ini.
53. PR-1521-L19247
Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian membuat kaji semula berkaitan elaun dan gred hakiki penolong kanan dan guru besar. Ramai guru menolak untuk menjadi pentadbir kerana gred dan elaun yang rendah tapi beban tugas yang besar.
54. PR-1521-L19398
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah projek Lebuh Raya Pantai Barat/ West Coast Expressway (WCE) daripada Batu Hampar hingga susur keluar Changkat Jering akan tertangguh lagi pembinaannya, setelah gagal siap sebelum-sebelum ini. Berapa peratusan (%) kemajuan projek yang telah dilaksanakan. Bilakah tarikh projek ini boleh disiapkan.
55. PR-1521-L19202
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status laporan Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) yang dibentuk oleh Kementerian pada 2018, sejauh mana ia sudah diteliti dan tindakan yang diambil atas laporan berkenaan.

56. PR-1521-L19053

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan segera terhadap kerosakan Jalan Raya Persekutuan selepas musim tengkujuh yang mana terdapat beberapa kerosakan seperti kepudaran jalur putih, kekurangan lampu jalan/ rosak di jalan T122 Jalan Jerangau - Jabor Penghantar, T14 Jalan Jabor - Al-Muktafi Billah Shah dan T122 Jalan Bukit Besi - Dungun dan sebagainya yang membahayakan pengguna jalan raya terutama pada malam hari.

57. PR-1521-L18020

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan pernah mempertimbangkan strategi *Debt Monetization* ataupun kaedah menjual bon Kerajaan kepada Bank Negara sebagai satu cara untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan.

58. PR-1521-L18066

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci kesemua 96 inisiatif yang disenarai dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021 - 2025 serta kos yang diperuntukkan untuk pelaksanaan setiap inisiatif.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023.

2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-Undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

3. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-Undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

4. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023.

5. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023.

6. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023.

7. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023.

8. Menteri Pengangkutan

- * Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (D.R.2/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (23 Mac 2023)

- | | | |
|---------------------------------|---|-----------------------------------|
| 2. (D.R 4/2023) | Rang Undang-Undang Kewangan 2023 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| [Menteri Kewangan] | | |
| 3. (D.R 3/2023) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 | “ |
| [Menteri Kewangan] | | |
| 4. (D.R 1/2023) | Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. | “ |
| [Menteri Dalam Negeri] | | |
| 5. (D.R 5/2023) | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023. | “ |
| [Perdana Menteri] | | |
| 6. (D.R 6/2023) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023. | “ |
| [Perdana Menteri] | | |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

8. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

11. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

12. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah

dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

15. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

16. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

19. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

21. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah

rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepetimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "My Story: Justice in Wilderness", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "Rule of Law", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "separation of power" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

[Perdana Menteri]

24. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1521-U(27)227
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

26. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantai sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

27. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surc妖 sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan sehari-hari dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

28. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) Bagi Tahun 2021	27 Mac 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 27.03.2023 (Isnin)	1. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	1. Dasar Keutamaan Naik Taraf Jalan Raya Luar Bandar di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB)	1. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
2. 27.03.2023 (Isnin)	2. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	2. Dasar Keselamatan Kapal dan Dasar Menangani Kehilangan Kapal	2. YB Menteri Pengangkutan
3. 27.03.2023 (Isnin)	3. YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	3. Tapak Pembuangan Sampah Haram di Taman Pusara, Twin Palms Sungai Long	3. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
4. 27.03.2023 (Isnin)	4. YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	4. Kawasan Rukun Tetangga dalam Parlimen Bangi	4. YB Menteri Perpaduan Negara

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**